

SIARAN MEDIA

2 APRIL 2024

KUTIPAN SISA PEPEJAL MENINGKAT 3,600 TAN METRIK PADA BULAN RAMADAN

Kuala Lumpur, 2 April 2024 – Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora) anak syarikat milik penuh Malakoff Corporation Berhad (“Malakoff”), mencatatkan peningkatan kutipan sisa pepejal sebanyak 3,600 tan metrik pada hari ke 20 di bulan Ramadan tahun ini berbanding pada tahun 2023. Jumlah tersebut merangkumi di keseluruhan ketiga-tiga kawasan konsesi di bawah pengurusan Alam Flora iaitu di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Pahang.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora, Adam Saffian Ghazali, makanan yang tidak dihabiskan atau diusik, yang dijual di bazar-bazar Ramadan merupakan antara penyumbang utama kepada peningkatan kutipan sisa selain daripada plastik dan polistren bungkus makanan.

“Pembaziran makanan pada bulan Ramadan dapat dilihat menerusi kenaikan 2,800 tan metrik sampah yang dibawa ke tapak pelupusan dalam sehari, berbanding 2,500 tan metrik sampah pada hari biasa bagi kawasan Kuala Lumpur yang mana, mempunyai kepadatan penduduk yang tertinggi di negara ini,” ujar Adam Saffian Ghazali.

Menurut statistik dari tahun 2019 hingga tahun 2024, tren peningkatan kutipan sisa pepejal pada bulan Ramadan adalah seperti yang dijangkakan dan 66 peratus daripada sampah makanan tersebut boleh dielakkan sekiranya orang ramai tahu cara penyimpanan makanan dengan betul serta pembelian secara berhemah.

Adam Saffian Ghazali berpendapat, juadah yang disediakan berkemungkinan terlampaui berlebihan sehingga tidak mampu dihabiskan sehingga akhirnya tong sampah menjadi destinasi terakhir baki sisa makanan. Walaupun begitu, Alam Flora akan terus melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan tanpa mengira masa dan tempat.

“Bagaimanapun, kerjasama daripada semua pihak amat diperlukan dalam menjaga kebersihan terutamanya di kawasan kediaman masing-masing. Sebagai contoh, sampah yang boleh dikitar semula seperti botol plastik, kertas dan tin aluminium perlulah diasingkan. Ia harus diletakkan dalam beg plastik serta diikat dengan kemas. Ianya diletakkan di tepi tong pada hari kutipan untuk barang kitar semula selaras dengan program pengasingan sisa di punca anjuran pihak kerajaan,” tegas Adam Saffian Ghazali.

Alam Flora memohon kerjasama daripada orang ramai untuk menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Alam Flora di talian 1-800-88-7472 yang beroperasi setiap hari dari jam 8.00 pagi sehingga 8.00 malam untuk berkongsi maklumat tahap kebersihan di kawasan masing-masing supaya tindakan susulan yang bersesuaian boleh diambil.

Tahun	Kuala Lumpur (Tan Metrik)	Putrajaya (Tan Metrik)	Pahang (Tan Metrik)
2019	35,000	1,700	9,000
2020	27,000	1,500	8,000
2021	32,000	1,800	14,000
2022	33,000	2,000	14,000
2023	35,000	2,000	13,000
2024	38,000	2,000	14,000

Kutipan Sisa Domestik 2019 – 2024 (Tahun) di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Pahang (Tan Metrik)

****dari 1 hingga 20 Ramadan****

Inisiatif ini adalah merupakan sebahagian daripada tonggak perniagaan Malakoff, di bawah segmen perniagaan ‘Malakoff Environmental Solutions’ yang memberi tumpuan kepada pengurusan alam sekitar dan penyelesaian yang didedikasikan untuk berkhidmat kepada masyarakat dan bumi ini. Ia juga selaras dengan Matlamat SDG PBB No. 11 di mana ia bertujuan untuk menjadikan bandar dan penempatan manusia inklusif, selamat, berdaya tahan serta mampan, seiring dengan matlamat syarikat iaitu ‘*Enhancing Life, Enriching Communities*’.



MENGENAI ALAM FLORA SDN BHD:

Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora), adalah anak syarikat Malakoff Corporation Berhad (Malakoff), yang ditubuhkan bagi memodenkan pengurusan sisa pepejal di Malaysia serta meningkatkan kecekapan dan mutu pengurusan sisa pepejal daripada peringkat penjanaan sisa sehingga ke proses pelupusan sampah. Alam Flora merupakan salah sebuah syarikat konsesi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negara ini yang bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan di kawasan Tengah dan Pantai Timur Semenanjung, meliputi seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya, Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Farizan Hj. Yop |Penolong Pengurus, Komunikasi Korporat dan Penjenamaan
|HP: 019.601.1678 | farizan.yop@malakoff.com.my

Haziqah Anuar |Eksekutif Kanan, Jabatan Komunikasi Korporat dan Penjenamaan
|HP: 012.229.4878 | haziqah.anuar@malakoff.com.my

PRESS RELEASE

2 APRIL 2024

INCREASE OF 3,600 METRIC TONNES IN SOLID WASTE COLLECTION IN RAMADAN

Kuala Lumpur, 2 April 2024 – Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora), a wholly-owned subsidiary of Malakoff Corporation Berhad (“Malakoff”), has recorded an increase in solid waste collection by 3,600 metric tonnes on the 20th day of Ramadan this year compared to 2023. This figure encompasses all three areas under the waste management services of the company, namely Kuala Lumpur, Putrajaya and Pahang.

According to the Chief Executive Officer of Alam Flora, Adam Saffian Ghazali, uneaten or disrupted food sold at Ramadan bazaars is among the main contributors to the increased waste collection, aside from plastic packaging and polystyrene.

"The wastage of food during Ramadan can be seen with the rise in 2,800 metric tonnes of waste taken to the landfill daily, compared to 2,500 metric tonnes of waste on regular days, especially in densely populated areas like Kuala Lumpur," said Adam Saffian Ghazali.

According to statistics from 2019 to 2024, the trend of increased solid waste collection during Ramadan is as expected and 66 percent of food waste can be avoided if people know how to store and purchase food correctly.

Adam Saffian Ghazali suggests that there could be an excess of unsold food at the Ramadan bazaar, resulting in leftovers that go unconsumed, ultimately ending up in the trash bin as wasted food. Nonetheless, Alam Flora remains committed to fulfilling its responsibilities regardless of circumstances.

"However, cooperation from all parties is still needed to help maintain cleanliness in their respective areas. For example, food waste and recyclables need to be separated, securely tied in suitable plastic bags and placed beside the bin on collection days for recycling items in line with the government's waste separation programme," emphasized Adam Saffian Ghazali.

Alam Flora urges the public to contact the Alam Flora Customer Service Center at 1-800-88-7472, which operates every day from 8.00 am to 8.00 pm, to share information on the cleanliness level in their respective areas so that appropriate follow-up actions can be taken.

Year	Kuala Lumpur (Metric Ton)	Putrajaya (Metric Ton)	Pahang (Metric Ton)
2019	35,000	1,700	9,000
2020	27,000	1,500	8,000
2021	32,000	1,800	14,000
2022	33,000	2,000	14,000
2023	35,000	2,000	13,000
2024	38,000	2,000	14,000

Solid Waste Collection 2019 - 2024 (Years) in Kuala Lumpur, Putrajaya and Pahang (Metric Ton)

from 1 to 20 Ramadan

This initiative is part of Malakoff's business pillar, Malakoff Environmental Solutions' aspiration to focus on environmental management and solutions that are dedicated to serving communities and the planet. It is also in line with the UN SDG Goal No. 11 where it aims at making cities and human settlements inclusive, safe, resilient and sustainable and supports Malakoff's overarching purpose of '*Enhancing Life, Enriching Communities*'.

ABOUT ALAM FLORA SDN BHD:

Incorporated in 1995, Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora) is one of the leading environmental management companies in Malaysia that is dedicated to serving communities to manage and reduce waste with minimal environmental impact. Alam Flora is a wholly owned subsidiary of Malakoff Corporation Berhad. Being one of the largest concession holders of Malaysia's national solid waste management and public cleansing privatization project, Alam Flora provides comprehensive waste management services to several concession areas in certain regions of Peninsular Malaysia, the Federal Territory of Kuala Lumpur and Putrajaya, and Pahang.

For more information, please contact:

Farizan Hj. Yop |Assistant Manager, Corporate Communications & Branding
|HP: 019.601.1678 | farizan.yop@malakoff.com.my

Haziqah Anuar |Eksekutif Kanan, Corporate Communications & Branding
|HP: 012.229.4878 | haziqah.anuar@malakoff.com.my